


Mengimbas Kejayaan dan Pencapaian UNIMAS Tahun 2021



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIIJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS

Kota Samarahan : Memasuki tahun 2022, dengan rekod kejayaan dan pencapaian UNIMAS sepanjang 2021 sudah tentu menjadi satu cabaran untuk warga kampus meneruskan usaha agar pencapaian lebih cemerlang dapat diperolehi. Mengimbas kembali dari segi penarafan *ranking*, jelas kedudukan UNIMAS memberi gambaran petunjuk kukuh, kekuatan dan keberadaan UNIMAS di peringkat global.

UNIMAS telah berada dalam penarafan *Times Higher Education (THE) World University Rankings* sejak tahun 2019. Selama tiga tahun berturut-turut, kedudukan UNIMAS berada di 1001+. Ekoran persaingan yang semakin sengit dan pertambahan Universiti yang layak dinilai iaitu 1662 buah Universiti, kedudukan UNIMAS sedikit merosot kepada 1201+ pada tahun 2022. Di Malaysia, hanya 18 buah Universiti yang memasuki senarai ranking ini dan UNIMAS berada di kedudukan =12.

Di peringkat Asia, UNIMAS masih mengekalkan kedudukannya pada 401+. Tiga indikator menunjukkan kenaikan markah iaitu *International*

Outlook, Research dan *Teaching*. Dengan beberapa Universiti penyelidikan di Malaysia dilihat mencatat penurunan *ranking* masing-masing, UNIMAS masih mampu bertahan di kedudukan yang sama.

Dalam penarafan THE di peringkat global, UNIMAS turut disenaraikan dalam *THE Young University Rankings* pada kedudukan 401+, *Emerging Economies University Rankings* juga pada kedudukan 401+ dan *University Impact Ranking* pada kedudukan 301+. Pencapaian membanggakan UNIMAS apabila subjek *Social Sciences* kini telah disenaraikan dalam *THE World University Ranking by Subject* pada kedudukan 601+ bersama-sama *Business and Economics* juga di 601+, *Life Sciences* di 801+ dan *Engineering* di 1001+.

Dalam penarafan yang dikeluarkan oleh *Quacquarelli Symonds (QS)* pula, UNIMAS berada dalam senarai *World University Rankings* sejak tahun 2020. Pada tahun ini UNIMAS disenaraikan pada kedudukan 1001+, manakala di Asia UNIMAS berada pada kedudukan =227. **Tahniah UNIMAS.!**

Prof Dr Tarmiji Masron dilantik semula Pengarah SQRC

Kota Samarahan : Sekalung Tahniah kepada YBhg Prof Dr Tarmiji Masron yang telah dilantik semula sebagai Pengarah, Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC).

Tempoh pelantikan semula ini adalah untuk dua tahun iaitu mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023. Ini merupakan pelantikan kali ketiga Prof Tarmiji menjawat jawatan Pengarah SQRC sejak dilantik pertama kali pada 1 Januari 2017.

Pelantikan semula ini merupakan kepercayaan dan keyakinan tinggi yang diberikan oleh Universiti untuk beliau menerajui dan menjalankan tugas-tugas, amanah dan peranan SQRC sebagai pusat strategik, kualiti dan risiko Universiti.

Prof Dr Tarmiji mula berkhidmat di SQRC sebagai Timbalan Pengarah pada 1 Janua



ri 2016 sebelum dilantik sebagai Pemangku Pengarah pada 5 September 2016.

Dalam bidang akademik, Prof Dr Tarmiji ialah merupakan Profesor bidang *Geographic Information System (GIS)* di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK).

Pada masa ini, bidang penyelidikan utama beliau ialah *Geographic Information System (GIS)*, *Spatial Decision Support System (SDSS)* dan *Spatial Social Science*.

Sekalung Tahniah kepada Prof Tarmiji atas pelantikan semula ini.

Taklimat Rapporteur Program Sumbangsaan MDekan 2022


Kota Samarahan : Seramai 16 orang para *rapporteur* telah dilantik bagi mengikuti Program Sumbangsaan Majlis Dekan 2022 yang diadakan di Bintulu pada 18-21 Januari 2022.

Para *rapporteur* berperanan melaporkan catatan perjalanan sepanjang 3 hari

program Sumbangsaan Majlis Dekan 2022. Dalam pada itu penyelarasan para *rapporteur* dilakukan oleh pihak SQRC.

Satu taklimat ringkas melalui aplikasi zoom telah dijalankan pada 14 Januari 2022 bagi memberi penerangan kepada semua *rapporteur* berkaitan tugas dan peranan mereka nanti.

Catatan *rapporteur* amat penting kerana ianya akan dilaporkan dalam Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS (JSKU).



Taklimat Pencalonan THE Awards Asia 2022

Kota Samarahan : Memasuki tahun baharu, pencalonan bagi anugerah berprestij THE Awards Asia 2022 anjuran Times Higher Education (THE) telahpun dibuka.

Dikenali secara meluas dengan gelaran "Oscar of higher education", anugerah THE ini merupakan salah satu aktiviti penting dalam kalendar pendidikan tinggi UK selama 14 tahun sebelum dibawa ke luar negara secara khususnya Asia bermula tahun 2019.

Pihak SQRC telah mengambil inisiatif mengadakan taklimat pada 29 Dis 2021 kepada semua yang terlibat. Jadual kerja turut dikeluarkan sebagai panduan.

TARIKH	PERKARA
16.12.2021	Sistem pencalonan dibuka
29.12.2021	Taklimat pencalonan oleh SQRC
21.01.2022	Penghantaran maklumat bagi tujuan pencalonan ke SQRC
24.01.2022	Penghantaran data pencalonan ke THE
26.01.2022	Sistem pencalonan ditutup
31.03.2022	Pengumuman Senarai Pendek / Finalist
31.05.2022	Majlis Pengumuman Pemenang

Tahun ini sebanyak 8 kategori dibuka untuk pencalonan iaitu *Excellence and Innovation in the Arts*, *International Strategy of the Year*, *Leadership and Management team of the Year*, *Outstanding Support for Students*, *Student Recruitment Campaign of the Year*, *Teaching and Learning Strategy of the Year*, *Technological or Digital Innovation of the Year* dan *Workplace of the Year*.

Jamuan Akhir Tahun SQRC


Kuching : Staf SQRC berpeluang mengadakan aktiviti sempena akhir tahun 2021 pada 22 Dis lalu. Jamuan secara sederhana diadakan yang dihadiri semua staf. Majlis sambutan ulang tahun kelahiran Prof Dr Tarmiji Masron dan Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman turut diadakan selain aturcara bertukar cenderahati.



Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS Universiti Awam (UA)

Putrajaya : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar pada 16 Dis 2021 telah memaklumkan proses penghantaran data staf, R&D&C dan maklumat institusi dari Sistem UA ke Sistem MyMoheS akan dilaksanakan bermula 3-24 Jan 2022.

Ketetapan penghantaran data yang akan digunakan ialah *cut-off date* data pada 31 Dis 2021.



SQRC pada 29 Dis 2021 telah mengadakan taklimat kepada semua pemilik data dan pembangun sistem bagi ketiga-tiga modul berkaitan.

PTj yang terlibat ialah BPSM, RIEC, PeTARY, UNIMAS Publisher, UNIMAS Holding dan CITDS. Medan tumpuan yang perlu disemak dan dikemaskini pada penghantaran kali ini ialah maklumat pengajian, jawatan, kepakaran dan status cuti belajar bagi modul staf.


SQRC selaras pelaporan OBB KPT bagi suku keempat 2021

Putrajaya : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar telah mengarahkan agar semua UA menyediakan pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) bagi suku keempat (Okt-Dis) 2021.

SQRC telah menggerakkan usaha mendapatkan maklumat perlu dari PTj berkaitan iaitu RIEC, UHSB, Pejabat Bendahari, PPP, PPPA, BPPs dan BPSM bagi membolehkan pelaporan OBB tersebut dapat disalurkan mengikut tarikh ditetapkan oleh Urusetia Induk KPT iaitu pada 14 Jan 2022.

Perkara 10.3.1 Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 – Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) menetapkan agar peman-tauan dan penilaian OBB dibuat bagi mengukur tahap pencapaian sasaran prestasi dan menilai keberkesanan Program/Aktiviti yang telah dikunci masuk dalam Sistem MyResults.

Seterusnya, prestasi Suku Tahunan oleh Kementerian/ Program/ Aktiviti juga perlu dilaporkan kepada Kementerian Kewangan selaras dengan perkara 10.4.1 (i) dalam pekeliling yang sama. Setiap pelaporan Kerangka Keberhasilan Aktiviti (APMF) perlu dikunci masuk ke dalam Sistem MyResult manakala pelaporan manual akan disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Aktiviti (APMF).



Kalendar Aktiviti



Disember 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Taklimat Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS	Data Modul Pelajar cod 30.11.21 (Data Owner & System Developer)	01/12/2021
2	THE Campus Live Asia	THE	14/12/2021
3	THE Awards Asia 2022	THE	14/12/2021
4	Mesyuarat JKPR	Bil. 03/2021	15/12/2021
5	Penghantaran dan Pengesahan Data MyMoheS	Data Modul Pelajar cod 30.11.21	21/12/2021
6	Taklimat Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS	Data Modul Staf, RDC & Maklumat Institusi cod 31.12.21 (Data Owner & System Developer)	29/12/2021
7	Taklimat Pencalonan THE Awards Asia	Taklimat kepada calon	29/12/2021

Januari 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	KPI SP UNIMAS 2021-2025	Laporan Pencapaian 31.12.21	10/01/2022
2	Laporan Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti	Laporan sehingga 31.12.21	14/01/2022
3	Re-Assessment SAMM	Makmal Fakulti Kejuruteraan	17/01/2022
4	Sumbangsan MDekan	Sekretariat bersama Pejabat NC	17-21/01/2022
5	Outcome Based Budgeting (OBB)	Laporan Suku Keempat 2021	21/01/2022
6	Pengesahan dan Penghantaran Data MyMoheS	Modul Staf, RDC, Institusi cod 31.12.21	24/01/2022
7	Lawatan Pemantauan Pengurusan Risiko	HPPU & FPSK	24/01/2022
8	Lawatan Pemantauan Pengurusan Risiko	PITAS	25/01/2022
9	THE Awards Asia 2022	Closing date for nomination	31/01/2022